

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 16 / 10 / 2007

Dr. Mahathir keluar IJN dalam tempoh terdekat

KUALA LUMPUR 15 Okt. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) semakin sihat dan dijangka dibenarkan keluar dari Institut Jantung Negara (IJN) dalam tempoh terdekat ini.

Anak beliau, Datuk Mokhzani berkata, keadaan bapanya semakin baik, berada dalam mood yang cemerlang serta mampu berjalan-jalan.

Menurut beliau, bapanya makan tauhu goreng dan minum teh petang ini.

“Saya baru sahaja bersama bapa sekejap tadi,” jelasnya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Kata Mokhzani, bapanya akan terus berada di IJN buat beberapa ketika. Sehingga hari ini, doktor yang merawatnya masih belum membuat keputusan bila Dr. Mahathir dapat dibenarkan pulang.

Dr. Mahathir menjalani pembedahan pintasan jantung di IJN pada 4 September lepas dan pembedahan kedua bagi membersihkan

UM - 16/10/2007

jangkitan pada 22 September.

Bagaimanapun, sehingga hari ini doktor tidak membenarkan Dr. Mahathir menerima pelawat, kecuali anggota keluarganya, kerana beliau masih dalam tempoh kuarantin.

Difahamkan anggota keluarga terdekat bekas Perdana Menteri itu, termasuk anak-anaknya, memakai penutup hidung dan mulut ketika bertemunya malah tangan mereka pun kena dicuci dengan cecair pembersih untuk mengelakkan jangkitan.

